



BULETIN PERSATUAN PEMBANTU PERUBATAN MALAYSIA

PROFESION KU

BIL. 1/2021 EDISI 12

www.pppmalaysia.com



BARISAN AHLI MAJLIS TERTINGGI PPPM BERSAMA YB KHAIRY JAMALUDDIN MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

MENARIK DI DALAM



Subkepakaran
Pembedahan Plastik
Dan Rekonstruktif



Program Pengukuhan Pasukan



Mesyuarat Agung Perwakilan
Dwihaturan PPPM
kali ke-4

Perutusan PRESIDEN



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera.

Syukur kepada Allah s.w.t. kerana kita dapat bertemu kembali di ruangan Buletin ProfesionKu Bil. 1/2021 Edisi 12 setelah kita harungi tahun 2021 yang amat mencabar dengan ancaman Pandemik COVID-19.

Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini, mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada ahli profesion Penolong Pegawai Perubatan atas pengorbanan anda selaku anggota 'frontliners' kepada perkhidmatan kesihatan negara di sepanjang penularan wabak COVID-19 yang masih belum reda sepenuhnya.

Di samping itu, menjadi tanggungjawab saya mengingatkan kita semua bahawa sentiasa mematuhi SOP bagi pencegahan COVID-19 yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan.

Persatuan ini sangat kagum dengan semangat juang para Penolong Pegawai Perubatan selaku anggota pasukan kesihatan barisan hadapan yang menyerlah dalam melaksanakan tanggungjawab profesional di sepanjang tempoh pandemik COVID-19. Ahli profesion ini telah melaksanakan arahan serta garis panduan pencegahan dan rawatan dengan baik sekali bagi memastikan wabak penyakit ini dapat dikawal.

Penolong Pegawai Perubatan harus meneruskan peranan mereka bersama-sama anggota 'frontliners' Kementerian Kesihatan Malaysia yang lain dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti kawalan dan pencegahan COVID-19. Peranan penting dalam membebaskan negara daripada ancaman wabak COVID-19 akan membantu kerajaan untuk meneruskan usaha membangunkan negara.

Akhir kata, Sebagai Presiden PPPM penggal 2019/2020 saya mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru 2022. Moga tahun baru yang bakal menjelma akan membawa harapan dan impian pengakhiran fasa pandemik seterusnya melangkah ke fasa endemik. Dengan demikian, kehidupan rakyat akan kembali seperti sediakala, ekonomi akan kembali pulih, negara akan terus maju dan rakyat dapat mengecapi kemakmuran serta kesejahteraan.

Sekian, wassalam.

HJ MUSTAFA ABD MAJID
Presiden

AHLI JAWATANKUASA PUSAT PERSATUAN PEMBANTU PERUBATAN MALAYSIA SESI 2019/2020

Presiden
Hj. Mustafa bin Abd Majid

Timbalan Presiden
Hj. Zaniff bin Shafie

Setiausaha Agung
Hj. Amin Zafri bin Abd Rahman

Penolong Setiausaha Agung
En. Saiful-Lizan bin Mohammed

Bendahari Agung
Hj. Jaafar bin Md Shariff

Juru Audit
Hj. Wan Muhammad Azman
bin Wan Abdullah

Hj. Abdul Wahab bin Md Zain

AHLI MAJLIS

PERLIS :
Pengerusi
Mohd Sukri bin Zakaria
Setiausaha
Shahril Nizar bin Ismail

KEDAH :
Pengerusi
Hj. Mohamad Nasir bin Said
Setiausaha
Mohd Shamsul bin Zainul Abidin

PULAU PINANG :
Pengerusi
Mohd Asri bin Zahari
Setiausaha
Hj. Mohd Akhir bin Ibrahim

PERAK :
Pengerusi
Hj. Ahmad Syamsul bin Hj. Rezali
Setiausaha
Mohd Fauzi bin Ahmad

KELANTAN :
Pengerusi
Mahadi bin Abdullah
Setiausaha
Muhammad Hasri bin Mohamed
Nor

TERENGGANU :
Pengerusi
Hj. Shamsuri bin Mat
Setiausaha
Hj. Muhamad Nor Ideris bin Ghani

PAHANG :
Pengerusi
Khairin Anwar bin Azudin
Setiausaha
Achik Isam bin Alias

SELANGOR :
Pengerusi
Musa bin Abdul Ghani
Setiausaha
Md Saiful Adli bin Mohamad Aziz

NEGERI SEMBILAN :
Pengerusi
Ahmad Kamal bin Mansor
Setiausaha
Hj. Mohd Zikram bin Mohd Raus

MELAKA :
Pengerusi
Hj. Mohd Sani bin Mokhtar
Setiausaha
Azizul Farid bin Muhammad

JOHOR :
Pengerusi
Nordin bin Abdul Mutalib
Setiausaha
Hj. Mohd Fairuz bin Abu Bakar

SIDANG REDAKSI

KETUA EDITOR

HJ. AHMAD SYAMSUL BIN
HJ. REZALI
KETUA PENYELIA PENOLONG
PEGAWAI PERUBATAN U44
HOSPITAL BAHAGIA ULU KINTA
PERAK



EDITOR

HJ. MUSTAFA BIN ABD MAJID
PRESIDEN
PERSATUAN PEMBANTU
PERUBATAN MALAYSIA



EDITOR

HJ. AMIN ZAFRI BIN ABD. RAHMAN
KETUA PENOLONG PEGAWAI
PERUBATAN U44
(KESIHATAN AWAM) KKM



EDITOR

HJ. MOHD ZABIDI BIN MOHD TAHA
PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN U44
HOSPITAL MELAKA



EDITOR

EN. SAIFUL LIZAN BIN MOHAMMED
PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN U42
JABATAN KESIHATAN NEGERI
SELANGOR



Serumpun Cinta Vintaaian Pena KETUA EDITOR BULETIN PROFESIONKU

Assalamualaikum wbt



Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, syukur kehadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnianya Buletin Profesionku bil 1/2021 edisi 12 ini telah dapat diterbitkan. Saya sebagai Ketua Editor mewakili ahli Sidang Redaksi ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua yang telah menyumbangkan artikel, maklumat dan info berkenaan cawangan negeri masing-masing.

Buletin Profesionku edisi kali ini membawakan info-info berkenaan aktiviti dan program yang telah dijalankan oleh PPPM dan cawangan pada tahun 2021. Bagi menambahkan maklumat kepada semua pembaca, disertakan juga artikel berkenaan subkepakaran Pembedahan Plastik Dan Rekonstruktif bagi Profesion Penolong Pegawai Perubatan di Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan di Malaysia. Selaras dengan perkembangan teknologi maklumat yang sangat pesat dan bergerak pantas maka buletin ini juga dapat diakses dimana-mana sahaja dengan melayari laman sesawang Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia di www.pppmalaysia.com. Sebelum saya menutup tirai, saya ingin memohon maaf atas segala kesilapan dan kekurangan dalam menghasilkan Buletin Profesionku Edisi 12 ini. Sesungguhnya, segala yang baik itu datangnya dari Allah S.W.T dan kekurangannya dari diri saya sendiri. Akhir kalam, diharapkan agar semua pembaca mendapat impak yang positif daripada Buletin ini. Sebarang cadangan dan pendapat sila emailkan kepada syamsulrezali@gmail.com.

Wassalam. Bakti Mulia.

HJ. AHMAD SYAMSUL BIN HJ. REZALI
B.Sc.(Hons) NPD (UK), Dip. MA (MAL), Dip. CM (Colombo)

SUBKEPAKARAN PEMBEDAHAN PLASTIK DAN REKONSTRUKTIF

Penolong Pegawai Perubatan yang bertugas dalam subkepakaran Pembedahan Plastik dan Rekonstruktif merupakan kakitangan yang dilatih menjadi "Scrub Nurse" bagi mengendalikan peralatan pembedahan "instrumentations" dan juga menjadi pembantu kepada pakar bedah plastik semasa pembedahan minor dan major dilaksanakan di dewan Bedah Am atau Dewan Bedah Minor.

Bagi memantapkan lagi ilmu pengetahuan mengenai fungsi bagaimana Dewan Bedah beroperasi Penolong Pegawai Perubatan berpeluang mengikuti kursus yang dianjurkan oleh pihak Kementerian Kesihatan dalam bidang "Advance Diploma Perioperative" pengkhususan dalam bidang Pembedahan Plastik.

Bagi latihan dalam perkhidmatan (LDP) di luar Negara, Sebelum ini Penolong Pegawai Perubatan yang telah lama berkhidmat di Jabatan, berpeluang menjalani latihan pengurusan pesakit yang mengalami luka kebakaran di Burn Ward dan Dewan Bedah Burn Hospital Royal Adelaide Australia selama dua minggu. Manakala bagi latihan dalam perkhidmatan dalam Negara Penolong Pegawai Perubatan akan dihantar ke Jabatan "Hand & Micro Surgery" di Hospital Selayang bagi mendalami ilmu pengetahuan dalam bidang pembedahan Hand & Micro selama tiga minggu.

Penolong Pegawai Perubatan juga akan dilatih mengendalikan "Microscope" bagi kes kecemasan seperti "arm or finger amputation". Mereka akan membantu Pakar Bedah Plastik dalam tatacara menyambung semula bahagian yang terputus.

Penolong Pegawai Perubatan dilatih cara mengendalikan Mesin Laser di dalam bilik Laser bagi membantu Pakar Bedah Plastik semasa rawatan Laser. Terdapat empat jenis Mesin Laser bagi merawat kes "skin pigmentation dan Vascular Malformation" seperti :

- i. Pulse Dye Laser
- ii. Broad Band Light Laser
- iii. Medlite Laser
- iv. Co2 Laser

Bidang subkepakaran Pembedahan Plastik dan Rekonstruktif amat luas dan menjadi suatu bidang sub kepakaran yang penting diurus perubatan masakini. Penglibatan Penolong Pegawai Perubatan dalam bidang ini juga turut meningkatkan nama Profesion Penolong Pegawai Perubatan di mata umum.



PPP yang bertanda merah bersama kakitangan Burn Unit, Royal, Adelaide, Australia semasa attachment di sana.



Disediakan Oleh:
ZAINUDIN BIN YAACOB
Pen. Pegawai Perubatan U36
Jabatan Pembedahan Plastik
Hospital Pulau Pinang.

LAPORAN AKTIVITI PERSATUAN PEMBANTU PERUBATAN MALAYSIA PENGAL 2019/2020

1. PENDAHULUAN

Bagi menyempurnakan amanah seterusnya, barisan Ahli Jawatankuasa Pusat (AJK) Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia (PPPM) bagi penggal 2019/2020 telah merangka beberapa perancangan, strategi dan matlamat untuk dicapai sebelum berakhir penggal memegang jawatan. AJK pada kali ini telah merancang beberapa agenda untuk memartabatkan profesion Pembantu Perubatan dalam menegenahkan cadangan-cadangan untuk meningkatkan lagi profesionalisma Pembantu Perubatan, mengadakan kolaborasi di peringkat antarabangsa dan menganjurkan aktiviti dalam Norma Baharu berikutan pandemik COVID-19. Walaubagaimanapun, aktiviti yang telah dirancang untuk diadakan secara fizikal terpaksa ditangguhkan berikutan perintah kawalan pergerakan yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan.

2. AKTIVITI BIRO-BIRO

2.1 Biro Pendidikan

Selain daripada menggerakkan inisiatif dalam beberapa siri rundingan untuk merencanakan lagi program pendidikan, Biro Pendidikan turut mengadakan program latihan seperti berikut:

- i) Kursus Pemanapan Pengurusan Persatuan di Wisma Pembantu Perubatan, Kajang, Selangor.
- ii) Program Pengukuhan Pasukan Bagi Pegawai-Pegawai Pertubuhan di Kem Permata Resort, Alor Gajah, Melaka.
- i) *Global Association of Clinical Officers And Physician Associates (GACOPA)* di Rwanda.
- ii) Bengkel Penubuhan Akademi Pembantu Perubatan Malaysia, Bilangan 1 di Wisma Pembantu Perubatan.
- iii) Pembentangan Kertas Cadangan Penubuhan Akademi Pembantu Perubatan Malaysia di Lembaga Pembantu Perubatan.
- iv) Penajaan peserta ke *1st NATIONAL DISASTER WOUND MANAGEMENT CONFERENCE 2019 – MULTYDICIPLINARY APPROACH* di Tasik Villa Internasional Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan.

2.2 Biro Ekonomi

Bagi menambah pendapatan ahli, Koperasi Pembantu Perubatan Selangor Berhad (KoPPSB) telah dipertanggungjawabkan untuk meneroka peluang menjana pendapatan melalui beberapa aktiviti, antaranya:

- i) Pendidikan/Latihan (Am dan Spesifik);
- ii) Latihan dalam Bidang ICT; dan
- iii) Membekal peralatan pakai buang dan buku perubatan.

Modal (kewangan) KoPPSB adalah daripada sumbangan modal syer anggota KoPPSB. Modal syer minima yang ditetapkan di bawah Undang-Undang Kecil KoPPSB bagi seseorang anggota adalah sebanyak RM500.00. Disamping itu, KoPPSB juga boleh menerima simpanan khas atau deposit daripada anggota.

KoPPSB bergerak di bawah landasan Undang-Undang Koperasi yang dikawal selian oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Laporan penuh mengenai aktiviti KoPPSM boleh dirujuk daripada Laporan Mesyuarat Agung KoPPSB.

2.3 Biro Kebajikan

Pewujudan Tabung Kebajikan PPPM menjadi matlamat PPPM untuk membantu ahli-ahli yang kurang bernasib baik. Antara tujuan Tabung Kebajikan ini ialah :

- i) Memberi bantuan khidmat nasihat kepada ahli yang ingin meningkatkan kemahiran dan kepakaran profesional.
- ii) Memberi bantuan kepada ahli yang sakit berpanjangan.
- iii) Memberi sumbangan kepada ahli yang sakit dan memerlukan rawatan dalam wad.
- iv) Untuk membolehkan penama ahli atau waris yang sah mendapat bantuan apabila berlaku kematian ahli.
- v) Mengadakan program kemasyarakatan, kebajikan, lawatan sambil belajar bagi ahli.
- vi) Memberi sumbangan kepada ahli dan juga Pembantu Perubatan yang terlibat dengan bencana alam seperti banjir, kebakaran, kemalangan dan tanah runtuh.

3. RINGKASAN AKTIVITI YANG DIJALANKAN BERMULA JUN 2020

12.6.2020, 17.7.2020, 28.8.2020, 25.9.2020 dan 19.11.2020 @ WEBINAR SERIES

- Antara topik yang dibincangkan:
 - a. COVID-19: The Unsung Heroes
 - b. AMO-TeX: Ke Mana Halatuju Kita?
 - c. Pelan 6p: Hala tuju Pendidikan Penolong Pegawai Perubatan
 - d. Perjuangan Belum Selesai
 - e. Bual Bicara: Kesihatan Lelaki Dalam Norma Baharu

12.9.2020 @ Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia Bilangan 3 Penggal 2019/2020

6.10.2020 @ Taklimat kepada para pelatih semester akhir Diploma Sains Perubatan dan Kesihatan Universiti Antarabangsa PICOMS

- Taklimat telah diadakan di Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS.
- Objektif taklimat adalah untuk memberikan pengetahuan dan membawa para pelajar mengenali dengan lebih dekat peranan dan fungsi PPPM.

SESI KUNJUNGAN HORMAT PERSATUAN PEMBANTU PERUBATAN MALAYSIA DAN KESATUAN KEBANGSAAN PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN SEMENANJUNG MALAYSIA BERSAMA YB KHAIRY JAMALUDDIN, MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

Pada 8/12/2021, barisan kepimpinan tertinggi pertubuhan yang mewakili profesion Penolong Pegawai Perubatan terdiri daripada Ahli Majlis Tertinggi Persatuan & Kesatuan telah berkunjung hormat bersama YB KJ. Antara perkara telah dibincangkan adalah pelantikan tetap Penolong Pegawai Perubatan Kontrak, penganjuran Konferens Kebangsaan Penolong Pegawai Perubatan 2022, penganjuran *3rd International Conference for Global Association of Clinical Officers & Physician Associate* dan sebagainya. YB KJ merakamkan penghargaan kepada seluruh warga Penolong Pegawai Perubatan yang telah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam memerangi COVID-19. Perbincangan berkaitan isu-isu kepentingan profesion berlangsung dalam suasana yang harmoni.

4. RUMUSAN

Walaupun negara berdepan dengan pandemik COVID-19 yang turut memberi kesan kepada pelaksanaan aktiviti, PPPM telah membuat perancangan dan meneruskan aktiviti mengikut kesesuaian dan keperluannya. Kejayaan membawa profesion ke peringkat antarabangsa dan dipilih sebagai penganjur bagi acara *3rd International Delegates & Scientific Conference for GACOPA* adalah pencapaian terbesar bagi penggal ini.

PROGRAM PENGUKUHAN PASUKAN PERSATUAN PEMBANTU PERUBATAN MALAYSIA

Tarikh : 9-11 DISEMBER 2021
 Tempat : Kem Permata Resort, Alor Gajah Melaka

Program Pengukuhan Pasukan untuk ahli-ahli persatuan ini diadakan selama 3 hari di Kem Permata Resort Melaka. Program yang berkonsepkan team building ini mempunyai beberapa aktiviti indoor dan outdoor.

Beberapa aktiviti yang jarang-jarang diadakan telah menarik minat ramai peserta seperti archery, water rescue dan water confident. Program seumpama ini amat baik dianjurkan dan akan diteruskan pada masa akan datang. Di akhir program ini, satu resolusi yang diberi nama RESOLUSI PERMATA 2021 mempunyai 11 perkara hasil kerja kumpulan peserta telah dibentangkan. Resolusi ini akan dikemukakan kepada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia untuk dipertimbangkan.



MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN DWITAHUNAN PERSATUAN PEMBANTU PERUBATAN MALAYSIA KALI KE-4

Tarikh : 12 Disember 2021
Tempat : Kem Permata Resort, Alor Gajah Melaka

Mesyuarat kali ini telah diadakan di Kem Permata Resort Alor Gajah Melaka selepas Program Pengukuhan Pasukan yang diadakan selama 3 hari di tempat yang sama. Perwakilan serta jawatankuasa pusat dari semua cawangan negeri hadir dalam mesyuarat ini. Keseluruhan perjalanan mesyuarat berjalan lancar dan mencapai sasaran yang diharapkan.





1. Pihak Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia Cawangan Negeri Sembilan telah menyampaikan sumbangan kebajikan kepada PPP En. Lazin di rumah beliau. En. Lazin sedang dalam proses rawatan selepas pembedahan mengeluarkan darah beku di kepala beliau.



2. Jawatankuasa PPPM Negeri Sembilan penggal 2019/2020, bergambar kenangan semasa Mesyuarat Agung yang di adakan baru baru ini.



3. Sesi pencerahan peranan Unit PPP Jabatan Kesihatan N.Sembilan dan sesi soal jawab bersama Tn. Hj. Sulaiman bin Dalimi Ketua Penolong Pegawai Perubatan Negeri kepada ahli-ahli PPPNS yang dapat hadir di Majlis yang dianjurkan secara bersemuka.



4. Program Ceramah Motivasi Transformasi Diri Amalan 6i dalam melakukan sesuatu dengan meneladani amalan baik budaya Jepun. Program di adakan anjuran bersama Unit PPP JKNS dan PPPM N.Sembilan pada 23 November 2021 di Dewan Nukleus HTAN.



5. Pemilihan Jawatankuasa Baru dalam Mesyuarat Agung Dwi tahunan Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia Cawangan Negeri Sembilan bagi Penggal 2021/2022 telah diadakan. Tuan Hj Zanif bin Shafei telah dipilih kembali sebagai Pengerusi bagi penggal 2021/2022.

Disediakan Oleh :
Hj Mohd Zikram bin Hj Mohd Raus
Setiausaha
PPPM Negeri Sembilan

PAHANG



1. Sesi Bual Bicara bersama Unit Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan JKN Pahang, Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia Cawangan Negeri Pahang, Kesatuan Kebangsaan Penolong Pegawai Perubatan Semenanjung Malaysia sempena Sambutan Hari Pembantu Perubatan Peringkat Daerah Jerantut di Park View Hotel. PPPM diwakili oleh Pengerusi Tuan Haji Khairin Anwar Bin Azudin dan Setiausaha En. Achik Isam Bin Alias.



2. Penyampaian Sumbangan Masuk Wad kepada Bendahari PPPM Cawangan Pahang En. Mohd Faizal Bin Pilus oleh Timbalan Pengerusi PPPM Cawangan Pahang Tuan Hj Mohd Faudzi Bin Salleh.



4. Penyampaian Sumbangan Khairat Kematian Kepada Balu Allahyarham PPP Mohamad Asyran Bin Abd Fu'at dari Pejabat Kesihatan Daerah Jerantut disampaikan oleh Bendahari PPPM Cawangan Pahang En. Mohd Faizal Bin Pilus.



5. Mesyuarat Agung Dwitahunan PPP Cawangan Pahang Penggal 2021/2022. Berlangsung di Bangunan ACC Hospital Tengku Ampuan Afzan Kuantan. Mesyuarat dijalankan secara 'HYBRID' dimana ada ahli yang hadir secara bersemuka dan ahli menghadiri secara maya dengan menggunakan aplikasi 'ZOOM'. Kehadiran seramai 30 orang dimana 10 orang secara bersemuka dan 20 orang lagi secara maya.



3. Penyampaian Sumbangan Masuk Wad kepada En. Zali Bin Busu di Hospital Sultan Haji Ahmad Shah Temerloh oleh AJK Kebajikan En. Ahmad Rashidi Bin Mohd Salleh.

6. Majlis Bacaan Yasin dan Tahليل Penolong Pegawai Perubatan Pahang yang dijalankan secara maya menggunakan aplikasi 'ZOOM'. Program dianjurkan oleh Unit Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan dengan kerjasama Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia Cawangan Negeri Pahang, Kesatuan Kebangsaan Penolong Pegawai Perubatan Semenanjung Malaysia Cawangan Pahang dan Kelab Kebajikan Dan Rekreasi Penolong Pegawai Perubatan Negeri Pahang. Seramai 38 orang PPP telah bersama-sama menjayakan program ini yang julung-julung kali dianjurkan. Semoga PPP Pahang terus sukses dan dirahmati oleh Allah sepanjang menjalankan tugas klinikal.

Disediakan Oleh :
Achik Isam Bin Alias
Setiausaha
PPPM Pahang

KELANTAN

Tajuk aktiviti : PROGRAM DERMA DARAH SEMPENA

HARI PEMBANTU PERUBATAN 2021

Tempat : DEWAN MAS MERAH HOSPITAL TANAH MERAH

Tarikh : 4 MAC 2021

Masa : 8.00 PAGI

Perasmis : Dr Puteri Nurbaya Binti Mohamed Ismail,

Pengarah Hospital Tanah Merah, Kelantan

Kehadiran Penyertaan : 40 orang



Disediakan oleh :
MUHAMMAD HASRI B MOHAMED NOR,
Setiausaha
PPPM Kelantan

Tajuk aktiviti : MESYUARAT AGUNG DWITAHUNAN

PERSATUAN PEMBANTU PERUBATAN

MALAYSIA CAWANGAN NEGERI KELANTAN 2021

Tempat (hybrid) : DEWAN DATO HASHIM, HRPZ II & SECARA ATAS TALIAN

Tarikh : 31 JULAI 2021

Masa : 9.00 PAGI

Kehadiran Penyertaan : 80 orang ahli

PENGERUSI	Rosmizu b Ismail	Bahagian Kesihatan Awan, JKN, Kelantan
TIMBALAN PENERUSI	Rosdi B Abdullah	Hospital USM Kubang Kerian
SETIAUSAHA	Muhammad Hasri b Mohamed Nor	Pejabat Kesihatan Daerah Pasir Mas
PENOLONG SETIAUSAHA	Bibi A Tiqah bt Mohd Yusoff	Hospital USM Kubang Kerian
BENDAHARI	Suzura bin Hasan	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu
AHLI JAWATANKUASA	Rohadi b Mat Daud	Pejabat Kesihatan Daerah Tanah Merah
AHLI JAWATANKUASA	Muhammad Hazwan Bin Mohamad Zawawi	Hospital USM Kubang Kerian
AHLI JAWATANKUASA	Muhammad Azirul Aridi Bin Che Azid	Klinik Kesihatan Pengkalan Chepa
AHLI JAWATANKUASA	Mohd Syarif b Seman	Hospital USM Kubang Kerian
JURU AUDIT 1	Mohd Zainuddin b Berhim	Hospital USM Kubang Kerian
JURU AUDIT 2	Siti Zailiha bt Shahbudin	Hospital USM Kubang Kerian
PERWAKILAN	Noraman b Ishak	Pejabat Kesihatan Tumpat
PERWAKILAN	Mohd Riduan Bin Ibrahim	Bahagian Kesihatan Awan, JKN, Kelantan
PERWAKILAN	Wan Asyraf Anas Wan Ahmad	Hospital USM Kubang Kerian
PERWAKILAN	Sollehuddin Ghani Mat	Hospital USM Kubang Kerian
PERWAKILAN	Mawaridly Bin Othman	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu

MELAKA

10 MAC 2021

Sambutan Hari Pembantu Perubatan Peringkat Negeri Melaka dan Majlis Bacaan Yassin secara VC serentak seluruh Melaka. Majlis dirasmikan oleh Dr Rusdi Bin Abd Rahman Timbalan Pengarah Kesihatan Awam, JKN Melaka. Penglibatan seramai 137 peserta secara VC melibatkan 3 Hospital, 3 Pejabat Kesihatan Daerah, Fasilitas Swasta dan Jabatan Kesihatan Negeri. Persatuan menyumbang RM100 setiap PTJ bagi menyediakan kek sambutan.

30 OKTOBER 2021

Mesyuarat Agung Dwitahunan Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia Cawangan Negeri Melaka. Mesyuarat diadakan dengan Jumlah Kehadiran secara VC 144 ahli dan Bersemuka seramai 14 orang. Mesyuarat dirasmikan oleh Tuan Presiden Tn. Hj Mustafa dan Setiausaha Agung Tn. Hj Amin Zafri. Ahli mesyuarat turut berpeluang memenangi cabutan bertuah.



Mesyuarat AJK Cawangan Negeri Melaka dibuat secara VC bagi memastikan Persatuan Cawangan Negeri Melaka terus aktif.



Disediakan Oleh :
AZIZUL FARID BIN MUHAMMAD
Setiausaha
PPPM Melaka

PENANG

MESYUARAT AGUNG DWITAHUNAN PERSATUAN PEMBANTU PERUBATAN MALAYSIA CAWANGAN NEGERI PULAU PINANG

Tarikh : 30 OKTOBER 2021

Bertempat di Dewan Nilam, Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang. (Secara Maya dan Bersemuka)

Mesyuarat Agung Dwitahunan Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia Cawangan Negeri Pulau Pinang telah diadakan pada 30 Oktober 2021 bertempat di Dewan Nilam, Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang.

Mesyuarat kali ini dijalankan secara maya dan bersemuka. Ia merupakan julung kali diadakan sebegini berbanding tahun-tahun sebelumnya. Ini adalah disebabkan daripada kesan pandemik covid-19 yang melanda seluruh dunia. Seramai 46 ahli menghadiri mesyuarat tersebut secara maya dan sebahagian secara bersemuka.

Mesyuarat tersebut bertujuan memilih Jawatankuasa yang baharu bagi penggal 2021/2022. Penghasilan dari pemilihan tersebut Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha dan bendahari dikekalkan. Manakala jawatankuasa yang lain boleh dikatakan hampir 50 peratus merupakan muka baharu.

Semoga dengan pelantikan Jawatankuasa yang baharu bagi penggal tahun 2021/2022 diharap dapat menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab dan amanah.

Pengerusi Persatuan Pembantu Perubatan Pulau Pinang En. Mohd Asri b Zahri sedang membentangkan laporan sambil mengendalikan mesyuarat secara maya.



Sebahagian Ahli Persatuan Pembantu Perubatan menghadiri Mesyuarat Agung Dwi Tahunan Persatuan Pembantu Perubatan Cawangan Pulau Pinang Secara Maya.

Disediakan Oleh :
HJ MOHD AKHIR BIN IBRAHIM
Setiausaha
PPPM Pulau Pinang

NEGERI SEMBILAN

MESYUARAT AGUNG DWITAHUNAN PERSATUAN PEMBANTU PERUBATAN MALAYSIA CAWANGAN NEGERI JOHOR

Tarikh : 9 NOVEMBER 2021
Masa : 2.00 ptg - 4.00 ptg
Tempat : Bilik Mesyuarat Unit
Perkhidmatan
PPP Negeri Johor
Kehadiran : 32 orang ahli berhak

Barisan JK PPM Cawangan Johor Penggal 2021-2022

Pengerusi : En. Nordin Bin Abd Mutalib
Timbalan Pengerusi : En. Mohd Isham Bin Mohd Yasin
Setiausaha : En. Hairizam Bin Zulkhifli
Pen. Setiausaha : Pn. Nur Haizum Binti Yekali
Bendahari : En. Haris Bin Saron

AHLI JAWATANKUASA

Tn. Hj Mohd Fairuz Bin Abu Bakar
En. Hamadi Bin Othman
En. Syahril Fikri Bin Safaruddin
Pn. Shahidatul Binti Ghazali

JURU AUDIT

Tn. Hj Noridin Bin Samian
Pn. Nurfarahen Binti Abd Wahab

SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA SEMUA AJK YANG TERPILIH



PENYERAHAN SUMBANGAN BUBUR LAMBUK UNTUK PETUGAS FRONTLINER

Tarikh : 27 APRIL 2021
Tempat : PKRC Kompleks Sukan Hospital Permai
Penyerahan 100 bekas bubur buat semua petugas yang telah disempurnakan oleh Pengerusi Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia Cawangan Negeri Johor



Petugas di PKRC Kompleks Sukan Hospital Permai



Sumbangan Tabung Kebajikan Buat Rakan PPP Dari Hospital Permai Yang Dimasukkan Ke Wad



Bilik Gerakan Pengoperasian HSA2

Disediakan Oleh :
HJ.MOHD FAIRUZ BIN ABU BAKAR
PPPM Johor

MESYUARAT AGUNG DWITAHUNAN PERSATUAN PEMBANTU PERUBATAN MALAYSIA CAWANGAN NEGERI PERAK KALI KE-5

Tarikh : 11 NOVEMBER 2021
Masa : 2.00 ptg - 4.30 ptg
Tempat : Dewan Bahagia, Hospital Bahagia Ulu Kinta
Kehadiran : 95 orang ahli berhak

Mesyuarat kali ini berjalan secara bersemuka, teratur dan harmonis dengan menampilkan 50 % muka baru dalam pencalonan AJK bagi penggal 2021/2022. Keseimbangan AJK yang bertugas di bahagian Perubatan dan Kesihatan Awam juga menunjukkan semakin ramai PPP di negeri Perak yang makin dekat dengan Persatuan.



KURSUS TRANSFORMASI INSAN PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN 2021

Tarikh : 11 NOVEMBER 2021
Tempat : Dewan Bahagia, Hospital Bahagia Ulu Kinta

Kursus ini di sertai seramai 50 orang ahli persatuan dari Penolong Pegawai Perubatan seluruh Negeri Perak. Kursus anjuran bersama PPPM Perak bersama Unit Penyeliaan Penolong Pegawai Perubatan Hospital Bahagia Ulu Kinta diadakan secara bersemuka setelah beberapa lama pihak persatuan tidak dapat menjalankan kursus seumpama ini. Dengan menampilkan penceramah hebat dari kalangan PPP di Negeri Perak, diharapkan kursus ini mencapai objektif yang disasarkan oleh penganjur.

Kursus Transformasi Insan Penolong Pegawai Perubatan 2021 ini ialah sebuah jenama kursus yang cuba diketengahkan oleh PPPM Perak. PPPM Perak berhasrat menganjurkan kursus seumpama ini pada setiap tahun dan seterusnya akan melibatkan keseluruhan ahli-ahli persatuan di negeri Perak.



Sumbangan kematian ahli PPPM Perak diserahkan kepada balu Arwahyarham En. Mohd Najib B. Zainal Abidin yang telah meninggal dunia pada 6 Mei 2021.



Sumbangan ahli PPPM Perak yang masuk wad diberikan kepada En. Kumar A/L Perumal dari HBUK.



Deligasi PPPM Perak ke Mesyuarat Agung Perwakilan Dwitahunan kali ke 4 Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia di Alor Gajah, Melaka.